

29/12/2000

Kerajaan diminta kaji semula penjualan komputer KWSP

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan diminta mengkaji semula skim penjualan komputer kepada pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di bawah pengendalian Pos Malaysia dan Bank Simpanan Nasional (BSN) kerana monopoli seumpama itu boleh menjejaskan industri pengusaha komputer.

Pengerusi Penaja Persatuan Pengusaha Komputer Malaysia, Elwin Ong berkata, keputusan Kabinet memilih Pos Malaysia dan BSN sebagai wakil eksklusif akan menjejaskan perniagaan mereka selain mewujudkan masalah kepada rakyat.

"Jika Kabinet masih tetap dengan keputusan yang dibuat pada 15 November lalu, lebih 70 peratus syarikat jualan komputer tempatan terpaksa tutup kedai dalam tempoh dua tahun kerana kehilangan perniagaan.

"Monopoli yang diberi kepada Pos Malaysia dan BSN juga secara tidak langsung mengekang kebebasan pembeli memilih jenis komputer dan harga, sebaliknya pembeli terikat kepada syarat yang dikenakan dua syarikat terbabit.

"Dalam skim ini, pembeli hanya boleh memilih salah satu jenama komputer yang ditetapkan oleh 11 pengeluar terpilih dan tiada jaminan bahawa pembeli akan menerima khidmat selepas jualan yang sempurna," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Elwin, yang mendakwa mewakili separuh daripada kira-kira 10,000 syarikat pengedar komputer tempatan, mengambil kesempatan sempena rumah terbuka di Sri Perdana untuk menyampaikan memorandum bantahan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara lain, memorandum itu memperincikan alasan kenapa skim yang dilaksana disifatkan tidak sesuai dan kurang bermanfaat kepada pencarum KWSP.

Kata Elwin, kempen sudah dimulakan bagi memastikan kesemua syarikat jualan komputer di seluruh negara berdaftar dengan Persatuan Pengusaha Komputer Malaysia bagi menangani sebarang isu berhubung kepentingan bersama.

Katanya tindakan memilih Pos Malaysia dan BSN bagi menguruskan penjualan komputer adalah tidak munasabah kerana kedua-duanya tidak berpengalaman dalam bidang itu.

Mengikut syarat skim terbabit, pencarum KWSP dibenar mengeluarkan sebahagian daripada wang simpanan untuk pembelian komputer yang hanya boleh dibuat menerusi dua wakil iaitu Pos Malaysia atau BSN.

Ketetapan itu dibuat berikutan kekhawatiran kerajaan terhadap kemungkinan wujudnya penyelewengan oleh pihak tidak bertanggungjawab yang membolehkan wang KWSP yang dikeluarkan disalah guna untuk tujuan lain.

Di bawah skim yang diselaras Pos Malaysia dan BSN, pilihan pencarum terhad kepada salah satu daripada 11 pembekal komputer yang ditetapkan dan hanya boleh mengeluarkan sehingga RM3,500 daripada simpanan KWSP untuk membelinya.

Sebuah syarikat jualan secara pesanan menerusi pos, Odasaja (M) Sdn Bhd, dilantik sebagai wakil untuk berurusan dengan 11 syarikat pengeluar komputer yang ditetapkan itu.

Kata Elwin, kerajaan perlu menerima hakikat bahawa penyelewengan dalam skim pembelian komputer berlaku kerana KWSP gagal memeriksa kesahihan setiap pemohon dan bukannya berpunca daripada sikap syarikat jualan komputer.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya KWSP berurusan terus dengan

syarikat jualan komputer yang berdaftar dengan persatuannya di seluruh negara dengan membuat bayaran terus kepada syarikat tertentu di mana pencarum membeli komputer.

Kata Elwin, persatuan pula akan memantau kegiatan ahlinya bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan di samping dapat membantu pembeli menangani sebarang masalah susulan berhubung komputer yang dibekalkan.

(END)